

22 NOV 1999
MALAYSIA-CHINA
MSIA & CHINA METERAI MOU PERBANKAN

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Urusniaga perbankan antara Malaysia dan China dijangka berkembang dengan ketara berikutan permeterian Memorandum Persefahaman (MOU) antara Bank Negara Malaysia dan People's Bank of China.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan malam ini bahawa MOU berkaitan dengan perbankan adalah antara pelbagai inisiatif yang diusahakan oleh kedua-dua negara memandangkan kepada peningkatan dalam hubungan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara.

Sebelum ini, kedua-dua negara telah memeterai 10 perjanjian dan memorandum persefahaman (MOU).

Dalam ucapannya di majlis makan malam sempena lawatan Perdana menteri China Zhu Rongji, Perdana Menteri berkata beliau gembira hubungan ekonomi antara kedua-dua negara terutama di dekad terakhir telah berkembang dengan ketara.

Dr Mahathir berkata perdagangan dua hala sejak empat tahun lalu meningkat kepada RM15.1 bilion, sejajar dengan perkembangan dalam hubungan ekonomi dua hala.

Menurutnya Malaysia adalah rakan dagangan kedua terbesar China di kalangan negara-negara Asean manakala China adalah rakan dagangan terbesar ke-11 Malaysia.

Pelaburan dua hala juga menunjukkan perkembangan yang memuaskan seperti yang dibuktikan apabila Malaysia menjadi pelabur kedua terbesar di China di kalangan negara-negara Asean, manakala pelaburan China di Malaysia walaupun kecil, mula meningkat.

Dr Mahathir berkata Malaysia menghargai pembabitan Beijing dalam projek palpa dan kertas yang bernilai RM4.3 bilion di Sabah di mana ia adalah pelaburan terbesar China di rantau ini.

"Kami berharap lebih banyak syarikat-syarikat China akan melabur di Malaysia," katanya, sambil menggesa sektor perniagaan supaya lebih agresif dalam usaha-usaha pemasaran dan promosi serta mengeksploitasi sepenuhnya peluang yang tersedia.

--BERNAMA
MR ZK